



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 21 Jun 2017

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 12 TAHUN 2017**

**LARANGAN PENJAWAT AWAM UNTUK MENJADI AGEN ATAU WAKIL SYARIKAT  
KEPADA MANA-MANA AGENSI PELANCONGAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengeluarkan makluman mengenai larangan penjawat awam untuk menjadi agen atau wakil syarikat kepada mana-mana agensi pelancongan. Hal ini demikian kerana Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) telah menerima beberapa aduan berkaitan penganjuran aktiviti pelancongan terutamanya pengendalian pakej umrah yang melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482).

3. Hasil dari pemantauan dan siasatan oleh pihak Kementerian, mendapati wujudnya penglibatan penjawat awam yang didapati turut bertindak sebagai agen umrah yang bertanggungjawab dalam urusan mencari jemaah/peserta dan turut menerima bayaran bagi pihak syarikat pengendali umrah.

4. Untuk makluman tuan/puan, Seksyen 5(2) Akta 482 menyatakan *bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengendalikan, atau menganjurkan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan-*


*a) perniagaan pengendalian pelancongan; atau*

*b) perniagaan agensi pengembaraan.*

*Melainkan jika ia adalah suatu syarikat dan memegang lesen sah yang diberikan di bawah Bahagian ini. Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Perkara ini juga adalah selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi maksud menjalankan kerja luar yang mana penglibatan awam dalam perkara ini boleh menjejaskan imej dan kepentingan Kerajaan serta perkhidmatan awam.*

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

  
**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

s.k Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah- Pengarah Bahagian  
Ketua Unit Pentadbiran  
Ketua Unit Kewangan dan Akaun